


1. Maklumat berikut adalah definisi satu teknik dalam pemikiran komputasional.

Meninggalkan aspek-aspek kurang penting dalam corak-corak yang dicamkan dan memfokus kepada aspek-aspek penting yang dapat membantu dalam penyelesaian masalah.

Apakah teknik tersebut?


- A. Teknik Peniskalaan
B. Teknik Leraian
C. Teknik Pengitlakan
D. Teknik Pengecaman Corak
2. Apakah hasil tambah antara nombor perduaan 1010 dan 111?
- A. 101
B. 1111
C. 10001
D. 10011
3. Rajah berikut mewakili suatu nombor perduaan.



Antara berikut, manakah nilai nombor perpuluhan yang diwakili nombor perduaan dalam rajah?

- A. 6
B. 7
C. 9
D. 10
4. Format imej manakah yang paling sesuai digunakan untuk memuat naik gambar percutian ke Internet?
- A. BMP
B. GIF
C. JPEG
D. TIFF
5. Antara yang berikut, manakah yang menerangkan maksud kod arahan?
- A. Storan ingatan yang boleh menyimpan arahan.
B. Senarai tindakan yang perlu dijalankan oleh komputer.
C. Urutan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh komputer.
D. Satu arahan yang mengarahkan komputer melakukan sesuatu tugas.

6. Antara berikut, manakah yang menunjukkan blok dalam atur cara Scratch yang digunakan untuk struktur kawalan pilihan?



7. Susun langkah-langkah pemindahan aksara pada skrin monitor dengan betul.

- I. Tekan papan kekunci untuk menghasilkan input
- II. Aksara diproses untuk dipaparkan sebagai output
- III. Kod ASCII nombor perduaan dihantar ke storan ingatan untuk disimpan
- IV. Kod ASCII nombor perduaan dihantar ke unit pemprosesan pusat melalui sistem bas

A. I, II, III dan IV

B. II, III, IV dan I

C. III, IV, I dan II

D. IV, III, II dan I

8. Sistem nombor perenambelasan juga dikenali sebagai sistem

A. Binari

B. Desimal

C. Octal

D. Heksadesimal

9. Apakah jenis data yang sesuai digunakan untuk menyimpan umur seorang pelajar di dalam atur cara?

A. Char

B. Double

C. Integer

D. String

10. Maklumat berikut menunjukkan kod arahan bagi mengira luas segi tiga.

```
panjang = int(input("Sila masukkan ukuran panjang: "))
lebar = int(input("Sila masukkan ukuran lebar: "))
luas = 1/2 * panjang * lebar
print("Luas segi tiga:", luas)
```

Didapati terdapat ralat dalam kod tersebut. Apakah jenis ralat yang terhasil.


A. Ralat logik

B. Ralat sintaks

C. Ralat sifar

D. Ralat masa larian

11. Berikut menunjukkan hubungan kekardinalan antara entiti.



Antara berikut, yang manakah kekunci primer bagi entiti MARKAH?

- A. NoKP
- B. MarkahID
- C. Nama
- D. Kelas

12 a) Tulis semula setiap jujukan nombor dan kenal pasti tiga nilai seterusnya bagi setiap jujukan nombor tersebut.

i.

10	20	30	40	50
----	----	----	----	----

.....

ii.


4	8	16	32	64
---	---	----	----	----

.....

b) Apakah teknik pemikiran komputasional yang terlibat dalam menyelesaikan masalah di 1.a)?

.....

2. Nyatakan lima fasa pembangunan atur cara mengikut urutan yang betul.




6. Isi ruangan kosong pada pernyataan berikut menggunakan perkataan-perkataan yang disediakan berkenaan kriptografi.

teknik kerahsiaan	sembunyi	kriptos
graphien	tulis	keselamatan


- a) Kriptografi adalah berasal daripada bahasa Yunani iaitu _____ dan _____.
- b) Dalam istilah bahasa Yunani kriptos bermaksud _____ dan graphien pula bermaksud _____.
- c) Kriptografi menghuraikan kajian tentang _____ atau dikenal sebagai _____ komunikasi data.
7. Isikan ruangan yang disediakan dengan **BENAR** atau **PALSU** untuk setiap pernyataan berikut berkenaan dengan syarat pengisytiharan pemboleh ubah.

Pernyataan	Jawapan
Nama pemboleh ubah harus menggambarkan nilai yang dipegang agar atur cara mudah difahami.	
Nama bagi pemboleh ubah boleh mengandungi aksara, digit dan simbol.	
Nama bagi pemboleh ubah boleh dimulakan dengan nombor.	
Nama bagi pemboleh ubah tidak boleh ada ruang kosong.	

8. Lengkapi rajah berikut tentang kebaikan system pangkalan data.



9.. Lakarkan entiti GURU dan MURID beserta dua atribut untuk setiap satu bagi persekitaran bilik darjah menggunakan simbol yang betul.



10. a) Nyatakan satu atribut yang dimiliki oleh seorang pelajar yang sesuai untuk dijadikan kekunci primer dalam sistem pangkalan data.

.....

- b) Jadual berikut adalah berkenaan satu entiti.

No. Pelanggan	Nama Pelanggan	Alamat	Umur	Jantina	Bangsa
C001	Fatimah binti Abu	Selangor	34	Perempuan	Melayu
C002	Azhar bin Ahmad	Kelantan	26	Lelaki	Melayu
C003	Yap Ai Ni	Kuala Lumpur	40	Perempuan	Cina

Berdasarkan jadual tersebut,

- i. Setiap entiti diwakili oleh satu jadual juga dikenali sebagai

.....

- ii. Apakah nama entiti yang sesuai?

.....

11. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Procedure	Argumen
Parameter	Function

- a) _____ digunakan dalam situasi seperti satu tugas perlu dilaksanakan berulang kali apabila diperlukan tanpa pemulangan nilai.
- b) _____ ialah pemboleh ubah yang digunakan oleh sesuatu function atau procedure.
- c) _____ ialah data atau nilai sebenar dalam pemboleh ubah tersebut.
- d) _____ digunakan bagi subtugas yang perlu memulangkan satu bilai selepas tugas itu diselesaikan.

12. Rajah berikut adalah atur cara bagi mengira luas segi tiga serta output bagi atur cara tersebut.

```
def segitiga():
    print("LUAS SEGITIGA")
    print("-----")
    a = float(input("Masukkan tapak: "))
    b = float(input("Masukkan tinggi: "))
    luas = 0.5 * a * b
    print("Luas segitiga =", Luas, "cm2")

segitiga()
```

```
LUAS SEGITIGA
-----
Masukkan tapak: 144
Masukkan tinggi: 600
Traceback (most recent call last):
  File "C:/Users/Safwan/Documents/segitiga.py", line 9, in <module>
    segitiga()
  File "C:/Users/Safwan/Documents/segitiga.py", line 7, in segitiga
    print("Luas segitiga =", Luas, "cm2")
NameError: name 'Luas' is not defined
```

Berdasarkan rajah tersebut

- a) Namakan ralat yang berlaku dalam atur cara tersebut?

.....

13. Rajah berikut adalah senarai air yang dijual pada mesin.

Air teh bunga	Air laici	Air tebu	Air milo	Nescafe	Kopi	Mirinda	100 Plus
1	2	3	4	5	6	7	8

- a) Nyatakan dua kaedah search yang boleh diguna untuk mencari sesuatu nilai dalam satu senarai.

i.

.....

ii.

.....

- b) Nyatakan kaedah yang paling sesuai untuk mencari “Air milo” pada senarai yang diberikan tersebut.

.....